



**ROSLE BIN YASIN**

**1.3**

**Keunggulan  
Sistem  
Pentadbiran  
dan Undang-  
undang**

**(m/s 8- ms11)**

# Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

1. Keunggulan bererti kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan
2. Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka, terbukti melalui sistem pentadbiran dan undang-undang yang tersusun sehingga menjadikan kerajaan ini masyhur.

# Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

1. Keunggulan bererti kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan
2. Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka, terbukti melalui sistem pentadbiran dan undang-undang yang tersusun sehingga menjadikan kerajaan ini masyhur.

# Sistem Pembesar Empat Lipatan

**SULTAN**

Pembesar  
Berempat

Pembesar Berlapan

Pembesar Enam Belas

Pembesar Tiga Puluh Dua

Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka tersusun dan berhierarki.

Sultan mengetuai pemerintahan dan mempunyai kuasa dalam segala aspek pemerintahan, peperangan, hubungan diplomatik dan agama.

Dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terdapat

1. Pembesar Berempat, iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
2. Pembesar lain ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang dan penghulu. Sistem

Pemerintahan yang sistematis menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan yang unggul.

## Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka

### Pentadbiran Pusat

- ❑ Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat.
- ❑ Hubungan dan persetahaman antara sultan dengan pembesar memastikan kejayaan Kesultanan Melayu Melaka.
- ❑ Permuafakatan ini mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna dan dapat mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah.

# Bendahara

Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai tugas yang sangat penting.

Bendahara menjalankan tugas sebagai:

- i. Ketua pentadbir
- ii. Ketua turus angkatan tentera
- iii. Menasihati sultan dalam pelbagai hal
- iv. Menjadi pemangku sultan.

## **Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur.**

**Sumber pendapatan diperoleh daripada:**

- i. Perdagangan**
- ii. Pelbagai jenis cukai**
- iii. Ufti.**

- Penghulu Bendahari dilantik menguruskan perbendaharaan secara teratur.
- Syahbandar bertanggungjawab mengutip cukai di pelabuhan dan pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan.
- Hasil perbendaharaan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana. Kebijaksanaan pemerintah mengawal perbendaharaan menjadikan Kesultanan Melayu Melaka semakin maju dan makmur.



Dari aspek keselamatan, Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keamanan di darat dan laut. Keamanan menjadi teras kepada kemasyhuran kesultanan Melaka.

Temenggung  
menjaga  
keselamatan kota  
Melaka

Laksamana  
bertindak sebagai  
panglima angkatan  
laut Melaka.

## Pembesar Peringkat Jajahan

Pembesar ditugaskan menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung. Pembesar ini dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat. Peranan mereka menjaga dan mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran serta dibenarkan mengutip cukai.

# **SOALAN LATIHAN STRUKTUR**

**2. Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai tugas yang sangat penting dalam sistem Pembesar Empat Lipatan.**

a. Senaraikan tugas Bendahara

i. ....

ii. ....

2 markah

**b. Namakan pembesar yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan keamanan dan keselamatan kerajaan Melayu Melaka**

**i.** .....

**ii.** .....

**2 markah**



**SOALAN  
LATIHAN  
ESEI**

**1. Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang sistematis menjadikan kerajaan Melaka sebuah kerajaan yang unggul**

a. Nyatakan peranan pembesar peringkat jajahan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

.....

.....

3 markah


# SOALAN OBJEKTIF KERTAS 1

---





20. Rajah berikut menunjukkan sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



X ialah		
ms	A	Syahbandar
8	B	Hulubalang
	C	Bentara
	D	Temenggung

21 Maklumat berikut merujuk kepada kawasan yang dianugerahkan sultan kepada pembesar tempatan di Melaka

Sultan Melaka memberi kuasa memerintah kepada pembesar Berempat mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

### **Anugerah tersebut ialah**

- |    |   |                   |
|----|---|-------------------|
| ms | A | Kawasan pemakanan |
| 8  | B | Daerah warisan    |
|    | C | Wilayah naungan   |
|    | D | Kawasan pegangan  |

22 Jadual 1 merujuk kepada jawatan dan peranan seorang pembesar di Melaka

Jawatan	Peranan
X	Ketua Pentadbir Ketua turus angkatan tentera

ms

**Apakah X?**

- 9
- A Bendahara**
  - B Laksamana**
  - C Temenggung**
  - D Penghulu Bendahari**

**Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperolehi daripada**

- ms**
- 9**
- I. ufti**
  - II. kawasan pegangan**
  - III. kawasan pemakanan**
  - IV. perdagangan**

<b>A</b>	<b>I dan II</b>
<b>B</b>	<b>I dan IV</b>
<b>C</b>	<b>II dan III</b>
<b>D</b>	<b>III dan IV</b>



**24**

**Kawasan pegangan ialah kawasan yang dikumiakan oleh Sultan Melaka kepada**

**ms**

**9**

- A Syahbandar**
  - B Temenggung**
  - C Laksamana**
  - D Pembesar Berempat**
- 

25 Maklumat berikut merujuk aspek keselamatan Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keamanan di darat dan di laut.

Tugas menjaga keselamatan kota Melaka di bawah tanggungjawab

- ms  
9
- A Bendahara
  - B Laksamana
  - C Temenggung
  - D Penghulu Bendahari

26.

Siapakah yang pembesar pentadbiran di peringkat pusat ?

ms

A Pembesar Berempat

9

B Bendahara

C Syahbandar

D Penghulu Bendahari

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu **Hukum Kanun Melaka** dan **Undang-Undang Laut Melaka**. Dilaksanakan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka.

## Undang-Undang Melaka

```
graph TD; A[Undang-Undang Melaka] --> B[Hukum Kanun Melaka]; A --> C[Undang-Undang Laut Melaka]
```

**Hukum Kanun  
Melaka**

**Undang-Undang Laut  
Melaka**



**Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal yang membincangkan jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal berkaitan dengan ekonomi**

Jenayah

- Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian. Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri.
- Contoh kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh seperti dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh. Dalam Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.

Peranan  
Sultan  
dan  
Pembesar

- Setiap pembesar mempunyai peranan dalam pentadbiran dan mereka perlu arif dalam hal berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang.
- Contohnya, dalam Fasal 1, dijelaskan tugas Sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari.
- Sultan bertanggungjawab untuk melantik pembesar contohnya Bendahara dan Temenggung.

## **Kekeluargaan**

- **Undang-undang keluarga bertujuan mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga atau dalam perkahwinan.**
- **Contohnya dalam Fasal 26 menyatakan pernikahan memerlukan empat orang saksi, jika tidak cukup memadai dua orang sahaja. Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam pernikahan.**

## Ekonomi

Pedagangan menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal di seluruh dunia. Undang-undang ini mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan di Melaka agar tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Contohnya, dalam Fasal 30, dinyatakan amalan riba diharamkan dalam urusan perniagaan dan orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.

- Undang-Undang Laut Melaka telah diusahakan oleh beberapa nakhoda Melaka (Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak).
- Undang-undang ini diperkenan oleh Sultan Mahmud Shah dan mengandungi perkara

Peranan nakhoda pelayaran

Jenayah di atas kapal

Percukaian

**Peranan  
Nakhoda**

- Nakhoda berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran. Semua pihak harus mematuhi arahan dan perintah nakhoda.
- Dalam Fasal 13.1. nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama empat hari.
- Dalam Fasal 13.3 pula dinyatakan, sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang ada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal untuk mendapatkan persetujuan.

## **Pelayaran**

- **Menjelaskan peranan beberapa pegawai selain nakhoda, seperti jurumudi, malim dan jurubatu.**
- **Menjalankan peranan masing-masing akan menjadikan pelayaran selamat dan lancar.**
- **Contohnya, dalam Fasal 9, seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran. Malim perlu mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran berada dalam keadaan selamat. Dalam Fasal yang sama, jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.**

## **Jenayah**

- **Perbuatan jenayah di atas kapal boleh menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal.**
- **Undang-undang ini menjelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang berlaku meliputi perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak.**
- **Contohnya, dalam Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.**



## Percukaian

- Percukaian yang sistematis dan adil dinyatakan dalam undang-undang ini.
- Pelbagai cukai dikenakan dalam urusan pelayaran untuk perdagangan. Contohnya, cukai perjalanan dan hasil perniagaan.
- Dalam Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang, iaitu satu persepuluh daripada hasil penumpang sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya sama ada tiga tahun, tiga bulan atau tiga hari.

# SOALAN LATIHAN STRUKTUR

**b. Senaraikan Dua undang-undang yang terkandung dalam undang-undang Laut Melaka**

**i.** .....

**ii.** .....

**2 markah**

**SOALAN LATIHAN**

**ESEI**

# SOALAN ESEI

1.

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat,

a.

Jelaskan tentang peranan pembesar dalam Hukum Kanun Melaka.

4 markah

**b. Nyatakan tentang undang-undang Jenayah yang terdapat di dalam Hukum Kanun Melaka**

**4 markah**

**c.i Pada pendapat anda, apakah kesan pelaksanaan Hukum Kanun Melaka terhadap Kesultanan Melayu Melaka**

**6 markah**

**c.ii** Pada pemerhatian anda, bagaimanakah undang-undang dapat mewujudkan kehidupan yang aman dan harmoni masyarakat hari ini.

**6 markah**



# SOALAN OBJEKTIF KERTAS 1

---



27

Undang-undang berikut wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Apakah kepentingan undang-undang tersebut?		
ms	A	Menentukan tanggungjawab raja
10	B	Menetapkan sempadan wilayah
	C	Menyekat pengaruh budaya luar
	D	Menjamin kesejahteraan rakyat

<b>28</b>	<b>Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal. Hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan terdapat dalam</b>	
<b>ms</b>	<b>A</b>	<b>Fasal 4</b>
<b>10</b>	<b>B</b>	<b>Fasal 5.1</b>
	<b>C</b>	<b>Fasal 26</b>
	<b>D</b>	<b>Fasal 30</b>

29 Dalam Hukum kanun Melaka, orang yang menjalankan urusan perniagaan mestilah

- ms A Berlaku adil
- 10 B akil baligh
- C Berharta
- D Merdeka

**30** Dalam fasal 9 Undang-Undang Laut Melaka, jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan dia akan dijatuhi

- ms** **A** hukuman bunuh
- 11** **B** Hukuman penjara
- C** Dibuang daerah
- D** Membayar ganti rugi

31 Apakah kesan pematuhan kepada perintah dan undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

<b>ms</b>	<b>I.</b>	<b>Perluasan empayar</b>
<b>11</b>	<b>II.</b>	<b>wujud kesejahteraan</b>
	<b>III.</b>	<b>wujud keharmonian</b>
	<b>IV.</b>	<b>Perkembangan perdagangan</b>
	<b>A</b>	<b>I dan II</b>
	<b>B</b>	<b>I dan IV</b>
	<b>C</b>	<b>II dan III</b>
	<b>D</b>	<b>III dan IV</b>

**32. Dalam Undang-Undang Laut Melaka Fasal 13.1 seorang pembesar perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama empat hari. Siapakah pembesar tersebut?**

- |           |          |                 |
|-----------|----------|-----------------|
| <b>ms</b> | <b>A</b> | <b>Malim</b>    |
| <b>11</b> | <b>B</b> | <b>Jurumudi</b> |
|           | <b>C</b> | <b>Jurubatu</b> |
|           | <b>D</b> | <b>Nakhoda</b>  |

<b>33.</b>	<b>Undang-undang Laut Melaka diusahakan oleh beberapa orang nakhoda. Siapakah yang memperkenalkan undang – undang tersebut?</b>	
<b>ms</b>	<b>A</b>	<b>Sultan Mahmud Syah</b>
<b>11</b>	<b>B</b>	<b>Sultan Alauddin Syah</b>
	<b>C</b>	<b>Sultan Mansur Syah</b>
	<b>D</b>	<b>Sultan Muzaffar Syah.</b>



**34. Berdasarkan Fasal 6.3 Undang-Undang Laut Melaka, kadar cukai yang dikenakan terhadap penumpang ialah**

**ms**

**A Satu persepuluh**

**11**

**B Dua persepuluh**

**C Tiga persepuluh**

**D Empat persepuluh**



**ROSLE BIN YASIN**

**1.4**

**Peranan  
Pemerintah  
dan Rakyat  
(m/s 12- ms13)**

## **1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat**

- Hubungan pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan konsep waadat.**
- Rakyat yang bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar saling berkait antara satu sama lain.**
- Perkaitan ini berfungsi menggerakkan jentera kerajaan dan sistem pemerintahan.**
- Hubungan secara timbal balik ini mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang membawa kegemilangan kesultanan ini.**

## Golongan Pemerintah

```
graph TD; GP[Golongan Pemerintah] --> PS[Peranan Sultan]; GP --> PP[Peranan Pembesar]; PS --> PS_Box[• Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat.  
• Mewujudkan perpaduan rakyat.  
• Bertanggungjawab terhadap kestabilan dan kemakmuran kerajaan.  
• Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat.]; PP --> PP_Box[Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan.  
Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.  
Mengutip hasil melalui sistem serah dan membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah.];
```

### Peranan Sultan

- Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat.
- Mewujudkan perpaduan rakyat.
- Bertanggungjawab terhadap kestabilan dan kemakmuran kerajaan.
- Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat.

### Peranan Pembesar

Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan.  
Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.  
Mengutip hasil melalui sistem serah dan membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah.

Golongan Diperintah

Peranan Rakyat

1. Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
2. Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa **tulah**.
3. Menjadi tentera.
4. Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong.
5. Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
6. Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

## 'KONSEP WAADAT'

Maka titah Sang Sapurba. Hendaklah segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim dan jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga ditakluk negerinya juga...". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku". Maka titah Sang Sapurba, Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu". Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjianannya, dibalikkan Allah bumbungan rumah ke bawah kaki ke atas". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya".

35

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, golongan pemerintah terdiri daripada

ms

I. ulama

12

II. Imam

III. Bilal

IV. kerabat raja

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

<b>36.</b>	<b>Apakah peranan pembesar pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka</b>	
<b>ms</b>	<b>A</b>	<b>Mewujudkan perpaduan rakyat</b>
<b>12</b>	<b>B</b>	<b>Menjaga keselamatan rakyat</b>
	<b>C</b>	<b>membekalkan tenaga tentera</b>
	<b>D</b>	<b>Memperkenalkan undang - undang</b>



---

**37** Konsep 'waadat' merupakan pengikat yang kuat antara rakyat biasa dengan pemerintah dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka. Siapakah yang 'berwaadat' dengan Demang Lebar Daun?

ms

**A Sang Sapurba**

12

**B Parameswara**

**C Sultan Mansur Shah**

**D Sultan Alauddin Riaayat Shah**

---

**38** Ciri-ciri negara bangsa yang telah mengukuhkan kerajaan Srivijaya diwarisi daripada kerajaan sebelumnya iaitu

- ms**
- 3/13**
- I. kerajaan Angkor**
  - II. kerajaan Majapahit**
  - III. kerajaan Funan**
  - IV. kerajaan Champa**
- A I dan II**
- B I dan IV**
- C II dan III**
- D III dan IV**

**39** Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, golongan yang diperintah terdiri dari golongan Merdeka dan Hamba. Hamba terdiri dari

- ms** I. hamba berhutang  
**13** II. hamba biasa.  
III. Hamba abdi  
IV. Hamba perang  
A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

**40. Tulah akan menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau titah raja dan menderhaka kepada raja. Apakah maksud “tulah”?**

- ms**
- 13**
- A Bencana**
  - B Balasan**
  - C kecelakaan**
  - D Musibah**



# LATIHAN PENGUKUHAN BAB SATU

---



**1** Giri-ciri Negara Bangsa

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

**3** Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka

Sultan

- a. \_\_\_\_\_
- b. \_\_\_\_\_ c. \_\_\_\_\_ d. \_\_\_\_\_

**2** Giri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_

**4** Undang-Undang

a. Hukum Kanun

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

b. Undang-Undang Laut

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

5

**Peranan Pemerintah dan Rakyat**

**a. Peranan Sultan**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_



**b. Peranan Pembesar**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

**c. Peranan Rakyat**

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

SEKIAN, TAMAT

**Cikgu : Rosle Yasin**